

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

---

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI  
SESI II: 2022/ 2023**

---

---

**SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN**

**SPP 10173  
MATEMATIK PERNIAGAAN**

**Dua (2) jam**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**ARAHAN UMUM**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.


Kertas soalan ini mengandungi **SEBELAS (11)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

**BAHAGIAN A**

[ 40 markah ]

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Nilai (RM)

CLO1T1

Merujuk Rajah 1, apakah X?

- A** Rugi
- B** Untung
- C** Titik Jumlah Kos
- D** Titik Pulang Modal

2. Antara berikut, yang manakah merupakan andaian Titik Pulang Modal ?

CLO1T1

- I. Kos tetap adalah malar pada keseluruhannya.
- II. Kos berubah setiap unit adalah berubah-ubah.
- III. Volum pengeluaran tidak akan mempengaruhi kos.
- IV. Jumlah kos adalah jumlah kos tetap dan kos berubah.

- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan III
- D** I dan IV

3. Berikut adalah ciri-ciri kos berubah **KECUALI**

CLO1  
T1

- A Perbelanjaan terhadap input berubah.
- B Berhubung langsung dengan jumlah keluaran.
- C Perlu ditanggung walaupun keluaran adalah sifar.
- D Tidak perlu ditanggung jika jumlah keluaran adalah sifar.

**Soalan 4 hingga 6 adalah berdasarkan maklumat yang berikut :**

Kos tetap	RM100,000.00
Kos berubah	RM5.30 seunit
Harga jualan	RM9.30 seunit
Kuantiti	30,000 unit

Jadual 1

4. Berapakah jumlah hasil?

CLO2  
T1

- A RM100,000.00
- B RM159,000.00
- C RM259,000.00
- D RM279,000.00

5. Kira margin caruman seunit.

CLO2  
T1

- A RM4.00
- B RM14.60
- C RM18,867.92
- D RM25,000.00

6. Kira Titik Pulang Modal dalam unit.

CLO2  
T1

- A 2,688 unit.
- B 10,752 unit.
- C 18,867 unit.
- D 25,000 unit.

7.

CLO2T1

Kos tetap	RM20,000.00
Kos berubah	RM5.00 seunit
Harga jualan	RM10.00 seunit
Kuantiti	50,000 unit

Jadual 2

Kira untung perniagaan tersebut.

- A RM230,000.00  
B RM250,000.00  
C RM270,000.00  
D RM500,000.00
8. Harga jualan sebotol minyak wangi ialah RM19.90. Kos berubah seunit adalah RM7.90 manakala kos tetap pengeluaran adalah RM80,000.00. Berapakah unit yang perlu dijual untuk mendapatkan untung sebanyak RM40,000.00? CLO2 T1  
A 4,317 unit.  
B 5,063 unit.  
C 6,030 unit.  
D 10,000 unit.
9. Apakah hubungan antara kos, tokok harga dan harga jualan? CLO1 T2  
A  $S = C + M$   
B  $S = C - M$   
C  $S' = C' + MD$   
D  $S' = C' - MD$

**Soalan 10 & 11 adalah berdasarkan maklumat yang berikut :**

Amir seorang peniaga barang runcit. Beliau membeli 30 botol minyak masak jenama MAMPU. Beliau telah menokok harga sebotol minyak masak tersebut 30% daripada harga kos.

10. Apakah formula yang boleh digunakan oleh Amir untuk menokok harga minyak masak tersebut berasaskan harga jualan yang setara dengan tokok harga kos? CLO1  
T2
- A 
$$\text{KTJ} = \frac{\text{KTK}}{1 - \text{KTK}} \times 100$$
- B 
$$\text{KTK} = \frac{\text{KTJ}}{1 + \text{KTJ}} \times 100$$
- C 
$$\text{KTJ} = \frac{\text{KTK}}{1 + \text{KTK}} \times 100$$
- D 
$$\text{KTK} = \frac{\text{KTJ}}{1 - \text{KTJ}} \times 100$$
11. Hitung kadar tokok harga harga berasaskan harga jual yang setara dengan tokok harga kos sebotol minyak masak tersebut. CLO2  
T2
- A 23.08%
- B 42.85%
- C 96.77%
- D 103.44%
12. Harga kos sebuah meja kopi daripada pembekal adalah RM350.00. Kedai Perabot Unggul telah menokok harga sebuah meja kopi tersebut sebanyak 20% berasaskan kos pada 1 Januari 2023. Kemudian, meja tersebut telah diturunkan harga 10% sempena promosi Hari Raya Aidilfitri pada Mac 2023. Kira harga jualan akhir meja kopi tersebut. CLO2  
T2
- A RM47.00
- B RM70.00
- C RM378.00
- D RM420.00

13. Ilman Collection telah menokok harga sepasang baju melayu yang berharga RM159.00 dengan kadar 25% berasaskan kos. Penurunan 10% ditawarkan sempena Hari Raya Aidilfitri. Berapakah harga jualan akhir baju melayu tersebut? CLO2  
T2
- A RM127.20  
B RM139.00  
C RM159.00  
D RM198.75
14. Pak Yop menjual tepung bungkus. Setiap hari beliau akan membawa 200 unit tepung bungkus untuk dijual. Kebiasaannya terdapat 5% daripada keseluruhan tepung bungkus itu tidak terjual. Jika sasaran jumlah jualan adalah RM95.00, kira harga jualan seunit tepung bungkus supaya Pak Yop dapat mengekalkan sasaran jumlah hasil jualannya. CLO2  
T2
- A RM0.50  
B RM0.54  
C RM0.70  
D RM1.00
15. Apakah yang dimaksudkan dengan diskau perdagangan? CLO1  
T3
- A Peratusan daripada harga senarai.  
B Harga bersih bagi sesuatu barang.  
C Harga yang disenaraikan dalam katalog.  
D Perbezaan antara harga senarai dan kadar diskau perdagangan.
16. Pilih pernyataan yang **BETUL** tentang syarat kredit 3/10, n/30. CLO1  
T3
- A Diskau tunai akan diberikan sebanyak 3% jika hutang dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh invois.  
B Diskau tunai akan diberikan sebanyak 10% jika hutang dijelaskan dalam tempoh 10 hari dari tarikh invois.  
C Diskau tunai akan diberikan sebanyak 3% jika hutang dijelaskan dalam tempoh 10 hari dari tarikh invois.  
D Diskau tunai akan diberikan sebanyak 10% jika hutang dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh invois.

17. Berapakah harga bersih sebuah cerek elektrik jika harga senarai adalah RM78.00 dengan kadar diskaun perdagangan 20%? CLO2 T3
- A RM1.56  
B RM15.60  
C RM62.40  
D RM76.44
18. Diana Florist menjual jambangan bunga Lily pada harga RM150.00 sejambak. Diskaun 15/10/5 diberikan untuk pesanan tersebut. Berapakah jumlah harga bersih yang perlu dibayar oleh Farid? CLO2 T3
- A RM105.00  
B RM109.00  
C RM142.50  
D RM150.00
19. Satu invois yang bertarikh 15 Mei menunjukkan harga sebanyak RM5,200.00 dengan syarat kredit 5/10, n/30. Berapakah jumlah bersih yang perlu dibayar sekiranya invois tersebut dijelaskan pada 19 Mei? CLO2 T3
- A RM260.00  
B RM520.00  
C RM4,680.00  
D RM4,940.00
20. Berapakah yang perlu dibayar untuk invois bernilai RM1,200.00 dengan syarat kredit 3/10 ROG bertarikh 6 Mac sekiranya pesanan tersebut diterima pada 9 Mac dan invois dibayar pada 15 Mac? CLO2 T3
- A RM36.00  
B RM120.00  
C RM1,080.00  
D RM1,164.00

**BAHAGIAN B***[ 60 markah ]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

**Soalan 1**

- a) Nyatakan definisi kos tetap beserta satu (1) contoh. CLO1  
*[3 markah]* T1
- b) Terangkan **DUA (2)** tujuan analisis Titik Pulang Modal (TPM) kepada perniagaan. CLO1  
*[4 markah]* T1
- c) Elzara Scarf mengeluarkan tudung terbaru sempena Aidilfitri. CLO2  
 Data jualan tudung tersebut adalah seperti berikut : T1  
 Jumlah jualan = 4,000 unit  
 Kos berubah = RM16.00  
 Kos tetap = RM50,000.00  
 Harga jualan = RM39.00

Kira untung yang diperolehi oleh Elzara Scarf jika semua produk itu dijual.

*[5 markah]*

- d) Sally Cookies menghasilkan keluaran biskut terbaru sempena Aidiladha. CLO2  
 Maklumat jualan adalah seperti berikut : T1  
 Jumlah jualan = 55,000 unit  
 Harga jualan seunit = RM35.00  
 Kos berubah seunit = RM17.00  
 Kos tetap = RM55,000.00
- i. Kirakan Titik Pulang Modal dalam unit *[2 markah]*  
 ii. Kirakan Titik Pulang Modal dalam nilai *[2 markah]*  
 iii. Bentukkan fungsi hasil  $H(x)$  dan kos  $K(x)$  *[4 markah]*

## Soalan 2

- a) i. Nyatakan definisi tokok harga. [2 markah] CLO1  
ii. Berikan **DUA (2)** asas tokok harga [2 markah] T2
- b) Jadual 3 berikut adalah beberapa situasi dalam perniagaan. Tentukan sama ada peniaga perlu menokok harga atau menurunkan harga berdasarkan situasi berikut: CLO1 T2

Bil.	Situasi	Tokok Harga / Turun Harga
i.	Permintaan pelitup muka meningkat secara mendadak semasa Pandemik Covid 19 menyebabkan bekalan sangat terhad.	
ii.	Prospek ekonomi global yang lembab dan peningkatan bekalan getah asli seluruh dunia.	
iii.	Peniaga mempunyai lebihan stok kerepek selepas musim perayaan.	
iv.	Seorang peniaga memperoleh bekalan ayam dengan harga yang tinggi daripada pembekal.	
v.	Bekalan telur ayam terjejas dan sukar diperoleh di pasaran.	
vi.	Permintaan terhadap buah limau meningkat menyebabkan bekalan buah limau terhad semasa musim perayaan khususnya pada Tahun Baru Cina.	

Jadual 3

[6 markah]

- c) Seorang peniaga kasut mendapatkan bekalan daripada Pembekal Z pada bulan Januari dengan kos RM 50.00 sepasang dan menjual semula pada harga RM 80.00 sepasang. CLO2  
T2
- Kira tokok harga. [2 markah]
  - Kira kadar tokok harga berdasarkan kos. [2 markah]
  - Kira harga jualan sekiranya Pembekal Z menokok harga 10% berdasarkan kos pada bulan Mac. [3 markah]
  - Berdasarkan pengiraan di c)iii, kira harga jualan baru sekiranya Pembekal Z menurunkan harga 10% pada bulan Mei. [3 markah]

### Soalan 3

- a) Diskaun Perdagangan dan Diskaun Tunai biasanya digunakan dalam perniagaan untuk urusan jualan. CLO1  
T3
- Nyatakan definisi diskaun perdagangan. [2 markah]
  - Nyatakan **DUA (2)** jenis diskaun perdagangan yang telah anda pelajari. [2 markah]
- b) Butik Lina menerima invois bernilai RM2,500.00 untuk bekalan pakaian bertarikh 14 April 2023 dengan syarat jualan 5/10, 3/15, n/30. Denda 5% akan dikenakan sekiranya pembayaran dibuat selepas 30 hari. Tentukan sama ada Butik Lina layak menerima diskaun dan kadar diskaun tunai atau denda jika invois dijelaskan seperti dalam Jadual 4. Anda dikehendaki menyalin dan melengkapkan **Jadual 4**. CLO1  
T3

Tarikh Bayaran Invois	Layak / Tidak layak menerima diskaun	Kadar diskaun / denda
a) 19 April 2023		
b) 26 April 2023		
c) 21 Mei 2023		

Jadual 4

[6 markah]

- c) i. Sebuah set sofa dijual dengan harga RM5,500.00 dengan diskaun perdagangan 25/15/5 ditawarkan. Kirakan harga bersih seunit set sofa tersebut. CLO2  
T3 [5 markah]
- ii. Anas menerima bil berjumlah RM2,000.00 bertarikh 15 Mac 2023 dengan syarat kredit 5/10 ROG. Barang tersebut diterima pada 20 Mac 2023. Berapakah jumlah yang perlu dibayar sekiranya bil tersebut dijelaskan pada 26 Mac 2023? [5 markah]

**SOALAN TAMAT**

**Selamat Menjawab**